

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]

TARIKH : 16 JULAI 2020 [KHAMIS]

SOALAN

YB TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil dan syor-syor dalam laporan interim oleh *Electoral Reform Committee* (ERC) yang telah dikemukakan kepada Perdana Menteri pada Januari 2020 dan adakah Kerajaan akan membuka laporan interim tersebut kepada orang awam supaya maklum balas boleh diperolehi.

JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua

Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya atau *Electoral Reform Committee* (ERC) telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji sistem dan proses serta undang-undang pilihan raya sedia ada. Objektif utama kajian ERC adalah bagi memastikan pilihan raya yang dilaksanakan pada masa akan datang adalah pilihan raya yang lebih berwibawa atau *credible* serta mendapat kepercayaan awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ERC ditubuhkan pada Ogos 2018 dan diberikan tempoh selama dua (2) tahun bagi mengemukakan sebuah laporan lengkap yang mengandungi cadangan-cadangan

NO. SOALAN : 30

reformasi pilihan raya. ERC telah pun mengemukakan laporan interim kepada YAB Perdana Menteri pada 13 Januari 2020 yang lalu. Laporan interim hanya memaklumkan perkembangan terkini kerja-kerja kajian yang telah dilaksanakan oleh ERC dan beberapa cadangan yang belum dimuktamadkan.

Pada masa ini, pihak Kerajaan masih belum menerima laporan akhir dan lengkap yang mengandungi syor-syor reformasi pilihan raya daripada ERC. ERC dijangka dapat mengemukakan laporan akhirnya kepada YAB Perdana Menteri pada selewat-lewatnya akhir Ogos 2020.

Sekian, terima kasih.